

D.R. 4/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 6 Akta Insurans Luar Pesisir 1990, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "satu juta ringgit" dalam subperenggan (1)(b)(iii) dengan perkataan "tiga ratus ribu ringgit".
Pindaan seksyen 6. Akta 444.
3. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda—
Pindaan seksyen 19.
 - (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "dan liabiliti-liabilitinya" perkataan "sebagaimana yang diluluskan mengikut dokumen konstituennya"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(5) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Akta ini, Bank boleh menghendaki pemegang lesen untuk mengemukakan kepada Bank apa-apa dokumen berhubung dengan pengendaliannya mengikut cara yang ditentukan oleh Bank secara bertulis".

Pindaan
seksyen 21.

4. Subseksyen 21(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "mata wang Malaysia" perkataan "dan apa-apa perniagaan lain yang ditentukan oleh Bank secara bertulis".

Pindaan
seksyen 22.

5. Subseksyen 22(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "pengurus insurans luar pesisir berlesen boleh memberikan khidmat-khidmat pentadbiran dan tiada".

Pindaan
seksyen 25.

6. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pemegang lesen" perkataan "dan tiada orang yang ada akses kepada maklumat atau dokumen berhubung dengan hal-ehwal atau akaun mana-mana pemunya polisi".

Pindaan
seksyen 32.

7. Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) berkenaan dengan penyeliaan perniagaan insurans luar pesisir;"

Pindaan
seksyen 33.

8. Subseksyen 33(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Gabenor dan Timbalan Gabenor dan mana-mana pengarah Bank" dengan perkataan "Gabenor, Ketua Pengarah, dan mana-mana anggota, pegawai atau pekerja".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan menurunkan keperluan modal minimum untuk memperoleh suatu lesen untuk menjalankan suatu perniagaan insurans luar pesisir di bawah seksyen 6 Akta kepada tiga ratus ribu ringgit.
4. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 19(1) Akta untuk mengurangkan bilangan salinan akaun yang kena dikemukakan kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ("Lembaga") daripada 8 kepada 4. Subseksyen baru (5) yang dicadangkan bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk memperoleh apa-apa maklumat pada dan bila perlu.
5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 21 Akta untuk meliberalkan skop perniagaan yang penanggung insurans boleh berurusan dengan dan akan menjadi sebagai suatu dorongan untuk menarik perniagaan baru.
6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 22 Akta untuk membolehkan pengurus-pengurus insurans luar pesisir memperuntukkan khidmat-khidmat pentadbiran kepada orang selain daripada yang dilesenkan di bawah Akta.
7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 25 Akta untuk melarang mana-mana orang yang ada akses kepada maklumat atau dokumen berhubung dengan hal-ehwal atau akaun pemunya polisi daripada mendedahkan maklumat atau dokumen itu. Pada masa ini larangan dikenakan hanya pada pengarah dan pegawai pemegang lesen.
8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 32 Akta untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan penyeliaan perniagaan insurans luar pesisir di Labuan.
9. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 33 Akta untuk memasukkan Ketua Pengarah dan anggota-anggota, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Lembaga di dalam takrif "pegawai-pegawai Bank". Ini menjadikannya perlu dengan penubuhan Lembaga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1984.]